

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : NASIONAL

# Tiada laporan cecair vape ada dadah

**Kota Bharu:** Polis tidak menerima laporan berhubung dakwaan mengatakan cecair vape di negara ini mengandungi dadah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd, berkata pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Kementerian Kesihatan

(KKM) berusaha menangkis ke-masukan vape ke negara ini.

“Dalam kes viral ini, ada ma-cam-macam jenis vape dengan pelbagai perasa dan boleh kelu-arkan pelbagai warna.

“Semua ini perlu dipastikan menerusi ujian makmal kan-dungan dan kesannya kepada pengguna.

“Setakat ini, polis belum teri-ma laporan vape yang mengandungi dadah.”

 **Setakat ini, polis belum terima laporan vape yang mengandungi dadah.**

**Mohd Khalil Kader Mohd,**  
Pengarah JSJN Bukit Aman

dungi dadah,” katanya pada s-dang media di IPK Kelantan, d-sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Poli Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan.

Kelmarin, tular menerus WhatsApp mengatakan satu pe-risa cecair vape membuatkan penggunaanya positif morfin se-lepas menjalani ujian saringan air kencing.